

UM - 29/5/2007.

Majlis doa selamat untuk Dr. Mahathir

PUTRAJAYA 28 Mei - Kakitangan Yayasan Kepimpinan Perdana hari ini mengadakan majlis doa selamat sebagai tanda kesyukuran kerana Tun Dr. Mahathir Mohamad telah sihat dan keluar dari Institut Jantung Negara (IJN) selepas mengadu sesak nafas pada 14 Mei lalu di Langkawi.

Majlis yang diadakan pada pukul 11 pagi itu turut dihadiri oleh bekas Perdana Menteri itu dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Pada majlis berkenaan, Dr. Ma-

hathir yang kelihatan ceria dan sihat turut membaca surah yasin bersama-sama kakitangan yayasan tersebut.

Menurut Pegawai Khas Dr. Mahathir, Sufi Yusof, majlis itu diadakan sebagai tanda kesyukuran kerana Dr. Mahathir telah pulih dan dibenarkan pulang dari IJN Khamis lalu.

"Tun dinasihatkan oleh doktor supaya berehat dan buat masa ini beliau tidak akan menghadiri apa-apa majlis sehingga dibenarkan oleh doktor," katanya ketika ditemui pada majlis kesyukuran itu.

Dr. Mahathir mengadu sesak nafas ketika berada di Langkawi bersama Dr. Siti Hasmah pada 14 Mei lepas dan dimasukkan ke Hospital Langkawi sebelum dipindahkan ke Unit Rawatan Kardiak IJN pada keesokannya.

Beliau dibenarkan keluar dari IJN Khamis lalu selepas doktor yang merawatnya berpuas hati dengan tahap kesihatan dan penerimaannya terhadap prosedur ubatan, rawatan dan pemulihan sejak dimasukkan ke IJN.